

Denggi bukan demam biasa

Oleh HIDAYATUL AKMAL AHMAD

hidayatulakmal@mediapri-ma.com.my

Lapan hari 'berumah' di hospital ditemani jarum suntikan dan beberapa botol air yang perlu dimasukkan dalam badan sangat memeritkan Lee Wee Yee yang ditahan akibat demam denggi.

Siapa sangka, demam panas yang dianggap biasa, rupa-rupanya tanda awal simptom demam denggi. Menurut Lee, awalnya dia hanya demam biasa selama dua hari.

Namun, selepas beberapa hari masih tidak kebah, ibu bapanya membawa Lee berjumpa doktor untuk membuat pemeriksaan darah. Mengejutkan apabila hasil ujian memberitahu Lee didiagnosis demam denggi dan perlu ditahan di hospital.

"Mulanya saya hanya anggap terkena demam biasa.

Namun suhu badan yang tidak menentu membuatkan saya panas di dalam dan sejuk di luar badan.

"Tidak lama selepas itu, timbul bintik-bintik merah seakan-akan terkena gigitan nyamuk di seluruh tubuh saya.

"Selepas diperiksa, ternyata saya 'mangsa' demam denggi. Waktu itu, keadaan saya sangat lemah dan tiada selera makan.

"Doktor mengesyaki saya terkena denggi sewaktu berada di tempat kerja," katanya yang bertugas sebagai eksekutif projek sebuah syarikat swasta.

Menurut Lee, pekerjaannya mendedahkan dia selalu berada di dalam bangunan dalam tempoh lama. Namun, dia tidak pernah menjangka akan 'diserang' denggi disebabkan tugasnya.

"Ini pengalaman pertama saya dijangkiti demam denggi. Takut juga sebab sebelum ini ada terbaca di dada akh-

Metro
28/7/13 MAS 34



Ada empat jenis denggi iaitu demam denggi, denggi berdarah, kejutan denggi dan denggi klasik"

Dr Wan Himratul Azliza



NYAMUK Aedes penyebar demam denggi.

bar denggi boleh membawa maut, terutama denggi berdarah.

"Saya berterima kasih kepada keluarga, terutama ibu bapa, yang tidak jemu-jemu menjaga dan memberi kata semangat supaya saya cepat sembuh.

"Selain perubatan moden, saya minum sup ketam yang dipercayai mampu menyembuhkan dan menurunkan suhu dalam badan," katanya.

Simptom denggi

- Hilang selera makan
- Susah bernafas
- Rasa mahu pitam
- Sakit perut
- Gusi berdarah
- Cirit-birit
- Kulit kemerahan
- Demam
- Sakit pada tulang, otot dan sendi

paling tinggi berlaku kematian.

"Bagi denggi klasik pula,

ini boleh merebak?

● Virus denggi dipindahkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk Aedes.



"Mulanya saya hanya anggap terkena demam biasa. Namun suhu badan yang tidak menentu membuatkan saya panas di dalam dan sejuk di luar badan"
Lee Wee Yee

LEE lapan hari 'berumah' di hospital kerana denggi.

Dalam pada itu, menurut Perubatan Pusat Perubatan Tropicana, Dr Wan Himratul Azliza Wan Harun berkata, denggi adalah penyakit bermusim yang biasa menyerang negara ini.

Demam denggi ialah sejenis penyakit bawaan nyamuk yang menjadi masalah utama kesihatan awam antarabangsa beberapa tahun kebelakangan ini. Jenis demam denggi yang lebih berbahaya ialah demam denggi berdarah.

Ia juga punca utama kematian kanak-kanak di kebanyakan negara hari ini. Demam denggi dibawa oleh nyamuk Aedes kepada manusia melalui gigitannya.

Kebanyakan kes meningkat ketika musim lepas hujan, di mana banyak air bertakung dan lopak air terbentuk, menyebabkan nyamuk mudah membiak, terutama Aedes.

"Ada empat jenis denggi iaitu demam denggi, denggi berdarah, kejutan denggi dan denggi klasik. Setiap satunya mempunyai definisi berbeza. Misalnya, demam denggi paling kerap berlaku dan simptomnya hanya demam dan selesema.

"Manakala denggi berdarah paling ditakuti yang kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan orang muda. Kejutan denggi (DSS) pula adalah paling bahaya dan

biasanya pesakit berasa sengal pada badan, cirit-birit, mual selain mengalami ruam kemerahan dan dianggap sebagai masalah kesihatan biasa," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Lebih 100 negara di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika, Amerika Timur, Mediterranean dan Pasifik Barat mengalami masalah denggi. Demam denggi didapati berlaku di kawasan bandar dan sekitarnya di negara rantau tropika.

Sesiapa yang digigit nyamuk yang membawa kuman virus denggi menghadapi risiko lebih tinggi mendapat denggi. Demam denggi menyerupai demam selesema dan ciri klinikalnya berbeza mengikut umur pesakit. :

"Lazimnya kanak-kanak dan orang tua lebih berisiko mendapat demam denggi disebabkan antibodi tidak kuat. Malah, kanak-kanak lelaki lebih berisiko mendapat penyakit ini berbanding perempuan.

"Bagi mengelak gejala ini, orang ramai disarankan minum banyak air mati, menjaga kebersihan serta tidak membuka tempat yang boleh membiakkan nyamuk Aedes. Misalnya di bawah piring pasu bunga, tin kosong dan tayar kosong yang bertakung air," katanya.

Bagaimanakah penyakit

gigitan nyamuk Aedes yang membawa virus denggi. Ia berupaya menyebarkan penyakit kepada manusia dalam masa lapan hingga 12 hari selepas menghisap darah manusia.

Bagaimanakah terjadinya demam denggi?

● Vektor demam denggi adalah nyamuk Aedes betina. Nyamuk yang dijangkiti membawa virus denggi di dalam badannya. Virus ini kemudian dipindahkan kepada manusia ketika proses menghisap darah.

Sebaik saja seseorang itu digigit, virus denggi akan memasuki dan beredar di dalam aliran darahnya, lalu bermulalah penyakit ini.

Bagaimana mahu mencegah demam denggi?

● Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

● Salin air dalam jambangan bunga setiap minggu.

● Tutup rapat semua bekas air seperti baldi, tangki. Letak ubat jentik-jentik.

● Buang air dan basuh piring pasu bunga setiap minggu.

● Bersihkan persekitaran rumah. Buang tin atau botol yang boleh menakung air.

● Elak melawat kawasan berisiko tinggi pada siang hari.

● Lindungi diri daripada gigitan nyamuk.